

Hapus GST tak jejas ekonomi negara

KUALA LUMPUR – Keputusan kerajaan untuk menghapuskan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 Jun 2018 diyakini tidak akan memberi kesan buruk terhadap ekonomi negara dan perbelanjaan kerajaan.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Mohd. Yusof Saari berkata, sumbangan GST kepada kutipan hasil cukai disifatkan



MOHD. YUSOF



BAAYAH

tidak begitu signifikan selepas tiga tahun ia dilaksanakan bermula 1 April 2015.

"Antara tahun 2015 hingga 2017, secara purata

GST menyumbang sekitar 21 peratus sahaja kepada jumlah hasil cukai, iaitu peningkatan sekitar 10 peratus berbanding sistem SST yang menyumbang sekitar 11 peratus hasil cukai.

"Pada tahun 2017, kutipan GST adalah sebanyak RM41 bilion dan jika SST dikekalkan, ia dijangka menyumbang sekitar RM17 bilion. Perbezaan hasil cukai yang dikutip oleh kerajaan antara

kedua-dua cukai ini ialah RM24 bilion," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan Kementerian Kewangan mengumumkan bahawa GST yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak 1 April 2015 akan dimansuhkan seperti yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14.

Dalam pada itu, penganalisis ekonomi di Fakulti Perniagaan Universiti

Kutipan GST dihenti 1 Jun 2018

Kerajaan mansuh GST bagi menunaikan janji manifesto Pakatan Harapan pada PRU-14



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Teknologi Mara (UiTM), Dr. Baayah Baba menyifatkan pemansuhan GST mungkin memberikan sedikit kesan kepada pendapatan negara pada peringkat awal pelaksanaannya.

"Mengikut analisis,

harga minyak di pasaran dunia telah meningkat kepada AS\$77 (RM305.61) setong dan negara kita mampu untuk mendapat keuntungan hasil daripada eksport minyak sekali gus dapat menampung perbelanjaan negara," ujarnya.